



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

HARGA RUNCIT PRODUK PETROLEUM BAGI TEMPOH 19 JANUARI 2019 SEHINGGA 25 JANUARI 2019

Berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula Automatic Pricing Mechanism (APM), harga runcit produk petroleum bagi tempoh 19 Januari 2019 sehingga 25 Januari 2019 adalah ditetapkan seperti berikut:

- i. harga runcit petrol RON97 dinaikkan sebanyak 6 sen seliter iaitu daripada RM2.22 seliter kepada RM2.28 seliter;
- ii. harga runcit petrol RON95 dinaikkan sebanyak 6 sen seliter iaitu daripada RM1.92 seliter kepada RM1.98 seliter; dan
- iii. harga runcit diesel dinaikkan sebanyak 12 sen seliter iaitu daripada RM2.05 seliter kepada RM2.17 seliter.

Kenaikan ini adalah berikutan harga produk petroleum yang diproses (refined product) di pasaran dunia yang telah menunjukkan trend peningkatan berbanding minggu sebelumnya iaitu daripada USD60 setong kepada USD63 setong bagi petrol RON95 dan daripada USD68 setong kepada USD72 setong bagi diesel.

Kementerian Kewangan
Putrajaya
18 Januari 2019